

18/10/2000

Formula hapus gejala tidak sihat dalam Umno

PERHIMPUNAN Agung Khas Umno bulan depan amat penting bagi merangka agenda Umno pada masa akan datang terutama kerana ia membabitkan beberapa pindaan terhadap Perlembagaan parti. Salah satu daripada cadangan pindaan berkenaan, sebagaimana dinyatakan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) kelmarin ialah mengenai tempoh menjawat jawatan anggota MT. Sekiranya diterima, pemilihan MT Umno akan diadakan mengikut penggal Dewan Rakyat, tidak lagi tiga tahun sebagaimana sekarang. Cadangan ini amat baik sekali kerana ia dapat mengurangkan terlalu banyak pemilihan dan percaturan politik. Terlalu banyak berpolitik pun tidak baik kerana ia boleh menimbulkan suasana politik yang sentiasa tidak tenteram. Tugas utama parti pemerintah ialah membangunkan rakyat dan negara, bukan terlalu memikirkan soal pemilihan dalam parti semata-mata. Adakalanya, sebaik saja sesuatu pemilihan selesai, perancangan untuk pemilihan penggal berikutnya sudah diatur kerana jarak masa yang agak singkat. Dengan memanjangkan tempoh maksimum lima tahun sekali, ia dapat mengurangkan banyak masalah perebutan, terutama jika ia diadakan selepas pilihan raya umum. Formula yang dicetuskan oleh Umno ini, adalah dianggap ubat paling mujarab untuk mengurangkan gejala tidak sihat akibat pemilihan kepemimpinan dalam parti. Dari segi kekerapan pemilihan terutama dalam konteks sistem demokrasi, Umno boleh dianggap mengamalkan sistem demokrasi yang agak keterlaluan. Jika keadaan itu boleh menimbulkan suasana tidak sihat, tidak ada sebab, ia tidak boleh dipinda. Dengan mengambil kira pemilihan pada peringkat cawangan, bahagian dan Pusat, boleh diadakan setiap tahun ada saja pemilihan diadakan. Belum sempat ahli bertaut semula akibat perselisihan pendapat, pemilihan berikutnya pula menjelang tiba.

Agak sekian lama berikutan kesan politik wang, Umno mencari formula demi formula untuk memperbaiki keadaan parti. Ramai yang bercakap mengenai keburukan politik wang tetapi bila berlaku pemilihan berikutnya, keadaan yang sama masih berlaku. Dengan beberapa pindaan terhadap peraturan pemilihan MT, yang mungkin diserahkan kepada Bahagian, peluang untuk memberi atau menerima wang, terlalu tipis. Jawapan kepada penyelesaian masalah sudah pun ada. Terpulanglah kepada perwakilan Umno untuk mendebatkan isu itu dalam mesyuarat agung khas nanti untuk membuat keputusan.

(END)